

13/10/1998

Aktiviti, kemajuan Kampung Gangsa dalam Internet

ALOR GAJAH, Isnin - Masyarakat dalam dan luar negara akan dapat mengikuti pelbagai aktiviti dan tahap kemajuan Kampung Gangsa, Durian Tunggal, dekat sini mulai sekarang dalam Internet.

Ini berikutan kejayaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berkenaan membina laman web mereka dan kejayaan itu juga menjadikan kampung pertama di kawasan Dewan Undangan Negeri Durian Tunggal, yang mempunyai laman web sendiri.

Pengerusi JKKK Kampung Gangsa, Rasdi Ismail, 41, berkata tujuan mewujudkan laman web berkenaan adalah menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, agar rakyat di negara ini membudayakan Teknologi Maklumat.

(END)